

Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam Keberkesanan Penyampaian Pendidikan dalam Pembentukan Modal Insan

(Challenges of Teaching and Learning at Home (PdPR) for the Effectiveness of Educational Delivery in the Human Capital Development)

Mohd Haziqi Hilmi^{1*}, Muhammad Hakimi Mohd. Shafiai²

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Malaysia

² Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: hmohdhaziqi@gmail.com

Accepted: 15 July 2022 | Published: 1 August 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.2.21>

Abstrak: Isu pandemik Covid-19 telah memberi kesan terhadap kehidupan manusia bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Tidak terkecuali dalam bidang pendidikan yang turut terjejas dengan perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini merungkai tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid dengan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Kajian mengguna pakai data-data daripada kajian-kajian yang telah dilakukan dan juga portal berita semasa yang berkaitan PdPR. Hasil kajian mempunyai impak yang positif dan juga negative yang perlu ditambah baik dari masa ke semasa. Satu sistem yang lebih teratur perlu dilaksanakan untuk menjadikan sistem PdPR lebih sistematik pada masa hadapan kerana faktor terbesar dalam pembangunan modal insan adalah pendidikan yang sempurna.

Kata Kunci: Modal insan, Covid-19, PdPR

Abstract: Covid-19 pandemic issue has had an impact on human life not only in Malaysia but also around the world. One of affected sector is education sector which is changing in teaching and learning method. This study dissects the issues and challenges faced by teachers and students with the implementation of teaching and learning in home (PdPR). Data for this research are collected from previous research and news portal. The results of the study have both positive and negative impacts that need to be improved. A more organized system needs to be implemented to make the PdPR system more systematic in the future because the biggest factor in human capital development is education.

Keywords: Human capital, Covid-19, PdPR

1. Pengenalan

Modal insan sering dikaitkan dengan pendidikan dan pada dasarnya pendidikan adalah faktor yang amat penting dalam proses pembangunan modal insan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang baik adalah salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada penghasilan modal insan yang sempurna. Bermula hujung tahun 2019, dunia dikejutkan oleh

satu virus corona yang dikenali sebagai virus Covid-19. Virus Covid-19 ini dikesan buat pertama kalinya di Wuhan, China pada penghujung tahun 2019 dan ianya tersebar ke seluruh dunia. Sehubungan itu, *World Health Organization* (WHO) telah mengumukan wabak ini sebagai satu pandemik bermula 11 Mac 2020 (Santrianingrum, A. P. & Praseryo, I., 2021). Malaysia juga tidak dapat mengelak daripada penularan virus Covid-19 ini daripada memasuki negara.

Pada bulan Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia kelapan, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara selama dua minggu yang bermula pada 18 Mac 2020. Ini bermakna, semua sektor ekonomi di Malaysia terpaksa ditangguhkan daripada beroperasi kecuali sektor perkhidmatan perlu (*essential services*) seperti sektor keperluan harian dan perubatan. Arahan penutupan semua permis kepada semua sektor termasuklah sektor pendidikan.

Sehubungan itu, dalam sektor pendidikan diperkenalkan satu sistem baharu untuk proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) iaitu Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan di rumah atau dikenali sebagai PdPR. Penulisan ini akan membincangkan mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan juga pelajar dalam melaksanakan PdPR dan menghurai keberkesanan proses PdPR ini kepada rakyat Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kajian perpustakaan yang merujuk kepada berita-berita semasa dan juga kajian yang telah dilakukan sebelum ini.

2. Modal Insan dan Pendidikan

Kepentingan modal insan bukan bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berwibawa dan berdedikasi semata-mata demi membentuk sesebuah negara. Pembangunan modal insan yang sempurna akan menentukan pembinaan masyarakat ke arah masyarakat berfikiran aras tinggi dan mempunyai minda kelas pertama (Mohd, M. H., t.th.). Fazullah et al. (2007) dalam Mohd, M. H. (t.th.) menggariskan dua ciri-ciri pengetahuan iaitu yang pertama adalah seseorang mempunyai kemahiran yang boleh dikembangkan melalui apa yang dipelajari dan daripada pengalaman. Ini menyebabkan seseorang itu mempunyai nilai tambah dalam dirinya dan meningkatkan kebolehpasaran dirinya dalam pasaran pekerjaan. Yang kedua pula adalah mereka yang mempunyai pengetahuan memiliki sifat untuk berkongsi dan menyebarkan pengetahuan yang mereka ada untuk membantu orang lain mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang diajarkannya. Perkara ini tidak akan mengurangkan sedikit pun pengetahuan yang ada pada diri mereka yang menyebarkan pengetahuan tersebut bahkan akan menyebabkan mereka lebih memahami ilmu dan perkara yang mereka ajarkan kepada orang lain. Ini adalah satu tuntutan seperti mana disebutkan dalam satu hadith Rasulullah S.A.W. dalam Sahih Imam Al-Bukhari (3461) yang bermaksud, “Sampaikanla kalian daripadaku walaupun sepotong ayat” (Noor, U. M. M., 2016).

Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Kamoo (2020) menyatakan bahawa konsep modal insan dibahagikan kepada empat golongan. Golongan tersebut adalah golongan pemikir aras tinggi iaitu golongan pakar, golongan kemahiran aras tinggi, gabungan pemikiran dan kemahiran iaitu golongan pentadbiran dan pengurusan, dan golongan berkemahiran rendah dan menggunakan tenaga fizikal seperti buruh. Gabungan kesemua golongan yang disebutkan inilah yang akan meningkatkan pembangunan dan ekonomi negara. Akan tetapi, bagi kebanyakan sektor, bekerja dari rumah ketika musim pandemik Covid 19 adalah tidak produktif dan tidak sesuai. Sebagai contoh, bagi golongan yang memerlukan akses fizikal seperti penyelenggara mesin.

Bapa pembangunan modal insan Malaysia iaitu Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah merangka konsep pembangunan modal insan supaya ianya sejajar dengan Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri sebelum beliau, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Lima teras utama yang telah digariskan dalam memperkasakan modal insan iaitu ilmu, kemahiran, pengalaman, keupayaan dan modal, serta etika. Dengan pemerkasaan lima teras ini dapat melahirkan pekerja yang bukan sahaja dapat meningkatkan daya saing antara mereka tetapi juga dapat memberi sumbangan kepada organisasi mereka sekaligus menyumbang dalam pembangunan negara kea rah yang lebih baik (Mohd, M. H., t.th.).

Proses melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan yang tinggi, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan dalam mencapai kesejahteraan diri sendiri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang mana usaha secara berterusan dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelektual, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepatuhan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Majid, M. K. H. A. et al., 2014). Kita dapat melihat bagaimana FPN berusaha untuk menyepadukan antara elemen roh, jasad dan akal supaya dapat menghasilkan keseimbangan emosi dalam diri manusia supaya pembangunan modal insan yang sempurna dapat dihasilkan.

Sektor pendidikan juga salah satu sektor yang terkesan dengan isu pandemik Covid-19 ini. Ianya memerlukan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka ditangguhkan untuk sementara waktu. Sektor pendidikan merupakan faktor pembangunan modal insan yang penting dan ianya perlu dilaksanakan dengan sempurna bagi mengelakkan para pelajar menghadapi keciciran dalam pelajaran. Hal ini disokong oleh kajian daripada Ibrahim, M. et al., (2015) di mana beliau menyatakan bahawa pendidikan ini adalah nadi kepada pembangunan dan pertumbuhan negara. Ibrahim, M. et al., (2015) menyebut lagi proses PdP ini perlu merentasi ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi supaya dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan pelajar dan juga melahirkan pelajar dengan pemikiran minda kelas pertama. Kaedah PdP perlu sentiasa diberi perhatian yang tinggi dan serius supaya para pelajar dapat memastikan daya saing pelajar seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Pandemik telah merubah kehidupan manusia dengan menjalani kehidupan norma baharu yang melihat manusia kini lebih bersifat teliti dalam meneruskan kehidupan seharian (MyMetro, 2020). Pembangunan modal insan juga tidak terkecuali daripada menghadapi proses pembangunan dengan norma baharu ini kerana kemajuan dan pembangunan sesebuah negara itu bergantung kepada pembangunan modal insan yang holistik. Pelapis kepimpinan negara pada masa kini perlu dijaga dengan sebaiknya untuk menjadi pemimpin yang baik pada masa hadapan dan pembangunan modal insan perlu dititikberatkan untuk penghasilan sesebuah organisasi dan negara yang cemerlang.

Teori asas daripada sarjana barat iaitu Theodore W. Schultz dalam penulisannya yang bertajuk *Capital Formation by Education and Investment in Human Capital* tahun 1961 ada menyebut bahawa pendidikan, latihan dalam kerjaya, pembangunan kerjaya dan sebagainya yang berkaitan dengan pengetahuan mempunyai kesan positif terhadap nilai produktiviti seseorang pekerja. Ia merupakan asas kepada pembangunan modal insan manakala dari sudut pandangan Islam pula melihat bahawa pembangunan modal insan atau pembangunan manusia ini merangkumi keseluruhan pembangunan luaran dan dalaman insan tersebut (MyMetro, 2020).

3. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)

Perkembangan teknologi dunia yang pesat membangun pada masa kini menjadi cabaran kepada pelbagai golongan dan sektor ekonomi. Proses membeli belah dan juga penjualan produk makanan merupakan antara sektor ekonomi yang mengambil peluang ini dengan mewujudkan platform beli belah dalam talian dan pesanan makanan secara dalam talian untuk menjana ekonomi mereka lebih-lebih lagi pada era pandemik seperti sekarang.

Tidak terkecuali juga kepada sektor pendidikan. Sektor pendidikan juga perlu menghadapi cabaran ini dalam menyediakan pendidikan yang baik dan sempurna supaya tiada pelajar yang tercicir dalam pelajaran semasa musim pandemik Covid-19. Ianya juga dijelaskan oleh Mary Yap (2015) bahawa bidang pendidikan juga telah menjadi semakin moden dan perlu menghadapi cabaran dunia yang semakin berkembang pesat.

Penularan wabak Covid-19 yang cepat memaksa pelbagai sektor untuk menanggukkan pengoperasian mereka termasuk bidang pendidikan. Ianya bukan di Malaysia sahaja tetapi juga dilaksanakan di peringkat global. Arifah, F. N. (2020) menyatakan bahawa, sumber data daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau lebih dikenali sebagai United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), bermula pertengahan bulan Mac 2020 kaedah pembelajaran dari rumah ini telah dilaksanakan di 112 negara termasuklah Malaysia, Thailand, Afrika Selatan, Zambia, Yaman, Austria dan Jerman.

Menurut Roshlawaty (2020), konsep pembelajaran secara maya atau secara atas talian ini telah lama diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1996 melalui konsep Sekolah Bestari. Apabila penularan wabak Covid-19 ke seluruh negara, kaedah ini terpaksa diterima dan dijadikan platform utama dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi menggantikan kaedah PdP bersemuka (Nasir, N. M., & Mansor, M. B., 2021).

Alternatif Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dilaksanakan oleh KPM adalah untuk membantu para guru supaya aliran pengajaran ilmu kepada para murid tidak terhenti ketika slogan “duduk di rumah” yang diwar-warkan oleh pihak kerajaan. Walaupun berada di rumah sahaja, para murid juga tidak hanya sekadar duduk dan berehat sahaja (Sintema, 2020). Pembelajaran secara norma baharu ini untuk mengelakkan daripada para murid tercicir dan tertinggal dalam pelajaran. Panduan PdPR oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020) melibatkan tiga pendekatan iaitu PdPR dalam talian, PdPR luar talian dan juga PdPR off site. Bagi PdPR dalam talian, ianya dilakukan bagi yang mempunyai kemudahan capaian internet dan terdapat peranti yang bersesuaian untuk melaksanakan PdPR menggunakan aplikasi Google Meet, Google Classroom, Zoom dan sebagainya. Pendekatan luar talian masih menggunakan peranti seperti tablet dan telefon pintar tetapi tanpa capaian internet. Manakala bagi pendekatan PdPR secara *off site* pula adalah PdPR dilaksanakan di Pusat Komuniti atau tempat yang dibenarkan oleh pihak berwajib. Nasir, N. M., dan Mansor, M. B. (2021) menyarankan supaya pihak guru agar lebih kreatif dan positif dan dapat mempelbagaikan Teknik dan kaedan PdPR. Guru juga perlu mengambil kira kesesuaian dan kemudahan bagi guru dan murid itu sendiri.

Isu dan Cabaran PdPR


Namun, masih terdapat banyak murid yang tertinggal disebabkan mereka tinggal di tempat yang terbatas perhubungan iaitu mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman (Arifah, F. N., 2020). Capaian internet yang rendah, bahkan tiada capaian langsung di kawasan tersebut adalah salah satu faktor yang menjadi punca mereka ketinggalan. Di

samping itu, peranti yang terhad untuk kegunaan murid-murid tersebut untuk belajar dan menjalani PdPR juga bagi sesetengah keluarga terpaksa berkongsi dengan adik beradik yang lain kerana keluarga mereka kurang kemampuan untuk membeli yang baharu.

Keadaan ini akan menyebabkan murid-murid sukar untuk menerima pelajaran daripada guru-guru dan juga keterbatasan ini akan menyebabkan murid-murid tersebut menjadi lemah dalam pelajaran. Murid yang pandai akan 'selamat' dan yang lemah akan terus ketinggalan. "Kalau di sekolah, guru boleh panggil murid bersemuka dan berikan motivasi, tapi bila kelas dijalankan secara dalam talian, ia bergantung kepada persediaan murid itu dari segi peranti, pelan data dan motivasi sendiri," (Bernama, 2021). Menyokong kenyataan tersebut, satu penulisan dalam akhbar termpatan, *Harian Metro* (2021) bertajuk PdPR: Cabaran guru, pelajar dan ibu bapa menyebut bahawa kehadiran amat rendah lebih-lebih lagi dari kalangan murid kelas belakang. Penulis menjangkakan jika ini berterusan maka murid yang pandai akan terus selamat manakala pelajar yang lemah akan terus ketinggalan.

Shazarina et al., dalam Kamarudin, N. H. (2020) juga ada menyebut bahawa pada peringkat awal proses PdPR ini dilaksanakan, ianya kurang mendapat penyertaan yang tinggi daripada kalangan murid. Kerjasama yang baik masih belum dapat diberikan oleh murid yang terlibat oleh kerana belum bersiap sedia dengan kaedah baharu sistem pendidikan. Masalah yang dihadapi oleh pihak guru pula adalah mereka kurang kemahiran dan kreativiti dalam menguruskan pembelajaran secara atas talian kerana mereka juga dikategorikan sebagai golongan yang masih lagi dalam proses pembelajaran untuk menguruskan kaedah baharu ini. (Hassan, M. K., 2021). Hassan, M. K. (2021) juga menyatakan bahawa guru-guru tidak dapat memberikan komitmen yang sepenuhnya di rumah kerana mereka juga bertanggungjawab untuk menguruskan hal rumah tangga dan menguruskan PdPR untuk anak-anak mereka.

Pada awal pelaksanaan PdPR ini, penglibatan murid juga agak rendah dan kurang menggalakkan. Murid-murid tidak menghadiri sepenuhnya kelas yang telah dijadualkan oleh pihak sekolah dan guru-guru. Penyediaan tempat yang kondusif masih lagi belum dapat disediakan oleh ibu bapa pada ketika itu. Suasana di rumah juga berbeza dengan keadaan apabila belajar di sekolah. Murid-murid akan menjadi kurang fokus dan ada dikalangan mereka tidak memberikan tumpuan dan hanya melayari laman sosial atau bermain permainan video pada masa yang sama (Hassan, M. K. 2021). Rajah 1 menunjukkan ringkasan bagi isu dan masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pelaksanaan PdPR.



Rajah 1: Rangka masalah dalam pelaksanaan PdPR

4. Analisis dan Perbincangan

Cabaran dalam menghadapi isu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ini adalah sangat tinggi disebabkan ianya merupakan perkara baru di kalangan rakyat Malaysia. Selama beberapa bulan pelaksanaan di Malaysia, ianya dilihat mempunyai beberapa implikasi samada implikasi positif mahu pun implikasi negatif. Implikasi yang terjadi juga boleh menjadi salah satu faktor dalam proses kemenjadian modal insan yang cemerlang. Tekanan yang dihadapi bukanlah kepada guru sahaja bahkan dikalangan murid-murid.

Kajian oleh Nasir, N. M., dan Mansor, M. B. (2021) menyatakan bahawa proses PdPR ini dapat membantu merapatkan hubungan antara ibu bapa dan anak. Proses PdPR perlu melibatkan ibu bapa untuk memantau dan membantu pembelajaran anak-anak mereka ketika di rumah. Hubungan antara guru dan ibu bapa boleh ditingkatkan kerana ibu bapa juga perlu untuk berinteraksi dengan guru dalam proses PdPR (Pokhrel, S., & Chhetri, R., 2021).


Kesan terhadap pembelajaran atas talian melalui pelaksanaan program PdPR ini pula ialah proses komunikasi antara guru dan pelajar itu terbatas. Ini dikekaskan oleh Nasir, N. M., & Mansor, M. B. (2021) di mana semasa proses PdPR ini dijalankan, hanya guru sahaja yang bercakap dari bermula kelas pembelajaran sehingga tamat kelas tersebut. Komunikasi dua hala semakin kurang dan juga interaksi pelajar bersama rakan sekelas juga menjadi kurang dengan menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian ini.

Kemahiran para guru sangatlah diperlukan untuk menghadapi proses yang serba baru ini. Golongan pendidik ini perlu lebih mengetahui selok belok pengurusan pengajaran dalam talian supaya setiap proses pengajaran tidak tertangguh dan mendatangkan hasil yang negatif pelajar mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha untuk membantu urusan PdPR agar menjadi lebih cekap ialah dengan menyediakan pelbagai kursus untuk tenaga pengajar supaya proses pelaksanaan PdPR lebih efisien (Nasir, N. M., & Mansor, M. B., 2021).

Menurut Nasir, N. M., & Mansor, M. B. (2021), ibu bapa kini mula menerima cara pendidikan norma baharu ini dan makin membiasakan diri dengan pelaksanaan tersebut lebih-lebih lagi setelah PdPR fasa kedua yang lebih teratur dan sistematik dilaksanakan. Dalam tempoh PKP dan proses PdPR ini juga, ibu bapa dapat peluang untuk membantu dan memantau pembelajaran anak-anak mereka (Nor Hayati, 2020). Mereka lebih tahu dan faham apa yang dihadapi oleh anak-anak mereka dalam pelajaran, bukan sekadar mendengar penjelasan dan ulasan guru ketika mengambil buku rekod anak-anak mereka pada hujung tahun sahaja. Proses pembelajaran anak-anak di rumah membuatkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak mereka menjadi lebih kuat secara tidak langsung dengan pelaksanaan PdPR ini (Pokhrel, S., & Chhetri, R., 2021)

Seorang guru di sebuah sekolah di Negeri Sembilan iaitu, Puan Intan Mardiana Roslan yang merupakan Penolong Kanan Pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Sega, Rantau, Negeri Sembilan menyatakan bahawa PdPR 1.0 iaitu PdPR untuk yang pertama kali dilakukan di negara kita mengalami kesukaran untuk kerana ianya dilakukan secara mengejut bermula Mac 2020. Tetapi untuk PdPR 2.0 yang bermula pada bulan November 2020, ianya lebih baik berbanding PdPR 1.0. PdPR semakin ditambah baik dengan pengurusan yang lebih sistematik dan teratur membuat para pelajar dan juga guru menjadi lebih selesa menggunakan kaedah yang baharu. Hasilnya, sejak Mei 2021, pelajar dan guru termasuk juga ibu bapa semakin selesa dan semakin dapat menyesuaikan diri dan tenang menghadapi kehidupan norma baharu ini (Bernama, 2021).

Bagi menjadikan pembelajaran di rumah lebih menarik, pihak kerajaan telah melaksanakan pembelajaran di dalam bentuk visual seperti di televisyen. Sebagai contoh pihak Rancangan Televisyen Malaysia (RTM) mengadakan slot TV Pendidikan di saluran RTM Okey dan pihak Astro menyediakan saluran Astro Tutor TV (Nasir, N. M., & Mansor, M. B., 2021). Kaedah ini dapat mendedahkan murid kepada pelbagai jenis teknologi dan aplikasi yang dapat memberikan faedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai. Nor Hayati (2020) menyatakan pembelajaran sepanjang hayat (Lifelong Learning) dengan pembelajaran secara dalam talian boleh menghasilkan individu yang mempunyai kemahiran. Rajah 2 menunjukkan bagaimana hubungan antara pendidikan dan pembinaan modal insan yang cemerlang.



Rajah 2: Kunci keberkesanan PdPR dalam pembinaan modal insan

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya kita dapat melihat impak positif dan negatif tentang pelaksanaan PdPR ini. Pelbagai usaha juga telah dilakukan oleh pihak berwajib dan juga inisiatif daripada tenaga pengajar untuk menambah baik sistem PdPR supaya ianya dapat diimplimentasikan dengan sempurna. Ia juga dapat mengurangkan golongan pelajar yang tercicir di zaman serba moden ini. Dalam usaha untuk membangunkan nilai modal insan dalam diri masyarakat, bidang pendidikan adalah faktor yang tidak boleh dinafikan kepentingannya.

Seperti yang dinyatakan oleh Ibrahim, M. et al. (2015), profesionalisme akademik merujuk kepada keupayaan dan kecekapan melaksanakan tanggungjawab berdasarkan kepada panduan ilmu, kepakaran dan juga amalan akademik. Untuk melahirkan modal insan berakhlak mulia, maka ahli akademik semestinya perlu menjalankan tugas dengan beretika dan berintegriti. Dalam konteks ini, latihan berterusan dan berpanjangan kepada tenaga pendidik merupakan satu wardah yang perlu diberi penekanan bagi melahirkan modal insan kelas pertama.

Cadangan kajian akan datang adalah memikirkan bagaimana untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan keperluan dan kelengkapan pembelajaran seperti capaian internet yang lebih baik dan peranti untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dan harga yang berpatutan. Pihak berwajib merlu menaik taraf capaian internet lebih-lebih lagi di kawasan

pedalaman dan boleh dikaji lebih lanjut berkaitan wakaf pendidikan yang boleh dilaksanakan untuk pemberian peranti untuk kegunaan murid-murid yang tidak berkemampuan.

Rujukan

- Ahmad, A. (31 Januari 2021). Kurangkan subjek semasa PdPR, untuk kurangkan stress murid dan guru. *Utusan Borneo Sabah, Malaysia*, <https://www.ukm.my/pkk/wp-content/uploads/bsk-pdf-manager/2021/02/En-Anuar-Ahamd-Utusan-Borneo-Sabah.pdf>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Ahmad, S. F., & Lubis, M. A. (2015). Islam Hadhari Dalam Pendidikan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisa Epistemologi. *Jurnal Hadhari*, 7(1), 1-18.
- Arifa, F. N. (2020). Tantangan pelaksanaan kebijakan belajar dari rumah dalam masa darurat COVID-19. *Kajian Singkat Bidang Kesejahteraan Sosial Terhadap Isu Aktual Dan Strategi*, 12(1), 1-7.
- Bernama (23 Julai 2021), Guru, pelajar dan ibu bapa semakin sesuaikan diri dengan PdPR. *The Sun Daily*, https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/07/23-Jul-The-Sun-Daily-Guru-pelajar-dan-ibu-bapa-semakin-sesuaikan-diri-dengan-PdPR_compressed.pdf, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Bernama (24 Januari 2021), PdPR: Cabaran guru, pelajar dan ibu bapa. *Mymetro*, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667475/pdpr-cabaran-guru-pelajar-dan-ibu-bapa>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Hassan, M. K. (2021). Cabaran norma baru pendidikan agama islam dalam situasi pandemik masa kini, *Forum Konvensyen Murabbi Peringkat Nasional Putrajaya*, <https://www.iiu.edu.my/media/71164/CABARAN%20PENDIDIKAN%20DAN%20DAKWAH%200.pdf>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Ibrahim, M., Ibrahim, A. Z., Maamor, S., & Samsi, A. (2015). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. *Journal of Holistic Student Development*, 2(1), 12-22.
- Ibrahim, M., Ibrahim, A. Z., Maamor, S., & Samsi, A. (2015). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. *Journal of Holistic Student Development*, 2(1), 12-22.
- Ishak, K. A. (5 Julai 2020). COVID-19 dan Cabaran Mengurus Modal Insan. *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia*, <https://news.utm.my/ms/2020/07/covid-19-dan-cabaran-mengurus-modal-insan/>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Kamarudin, N. H. (2021), Pelaksanaan PdPR semasa pandemik covid-19: Isu dan cabaran yang dihadapi guru dan murid, *Scribd*, <https://www.scribd.com/document/513133446/ISU-DAN-CABARAN-PDPR>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Komoo, I. (5 April 2020). PKP beri implikasi berbeza kepelbagaian modal insan. *BH Online*, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/04/673092/pkp-beri-implikasi-berbeza-kepelbagaian-modal-insan>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Majid, M. K. H. A., Abd Rahim, R. A., & Yusof, M. (2014). Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 15-34.
- Minda (6 Oktober 2020). Cabaran era Covid-19, *Mymetro*, <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/10/627817/cabaran-era-covid-19>, dicapai pada 10 Ogos 2021.

- Minda, (6 Oktober 2020). Cabaran Era Covid-19, *MyMetro*, <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/10/627817/cabaran-era-covid-19>, dicapai pada 10 Ogos 2021.
- Mohd, M. H. (t.th). Cabaran Pembangunan Modal Insan di Era Globalisasi. *Academia*, https://www.academia.edu/30119585/CABARAN_PEMBANGUNAN_MODAL_INSAN_DI_ERA_GLOBALISASI, dicapai pada 1 September 2021.
- Nasir, N. M., & Mansor, M. B. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416-421.
- Noor, U. M. M. (5 Mei 2016), Al-Kafi# 261: Tidak Menyampaikan Ilmu Kerana Gagap, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1290-al-kafi-261-tidak-menyampaikan-ilmu-kerana-gagap>, dicapai pada 15 Ogos 2021.
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). A literature review on impact of COVID-19 pandemic on teaching and learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133-141.
- Saleh, A. M. (2020). Problematika kebijakan pendidikan di tengah pandemi dan dampaknya terhadap proses pembelajaran di Indonesia, *Jurnal Pendidikan*, 2(2), pp. 24–24.
- Santrianingrum, A. P. & Praseryo, I. (2021). Persepsi guru dampak pandemi covid-19 terhadap pelaksanaan pembelajaran daring di PAUD. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5(1), 633-640.